

# Ceritera WARISAN

## RUMAH IBU SOKO BIDUANDA LELA MAHARAJA -1936-

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK MALAYSIA Port Dickson

cart centre of architecture technology

CIVIL Engineering Department

LOT 146 JALAN TANAH DATAR SATU KAMPUNG GADONG 71350 KOTA NEGERI SEMBILAN

# CERITERA WARISAN

## RUMAH IBU SOKO BIDUANDA LELA MAHARAJA REMBAU

POLITEKNIK PORT DICKSON

www.polipd.edu.my



ITIK SALAI DI PEKAN REMBAU,
TERKENAL LAZATNYA JADI KEGEMARAN,
DI PENGHUJUNG TAHUN MASA MENGIMBAU,
KEKUATAN KELEMAHAN DIJADIKAN PANDUAN.

CETAKAN PERTAMA 2025/ FIRST PRINTING 2025

@POLITEKNIK PORT DICKSON , NEGERI SEMBILAN , MALAYSIA

**PENULIS**

NURULJANNAH AQILAH BINTI ZULKEFLY

SITI FATIMAH TUZZAHRAH BINTI HJ ABD LATIF

NUR HIDAYAH BINTI ROSMAN

**EDITOR**

YAHYA BIN CHE HARUN

MUHAMMAD SYAMIM BIN IBRAHIM

NAZHALIEF TSEU LEAN TSHENG

INTAN SYAMIRA BINTI SULIMAN

YAASHINIE A/P NERU

**Graphic Designer**

Intan Syamira Binti Suliman | Muhammad Syamim Bin Ibrahim

**Hak Cipta Terpelihara**

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik,gambar atau rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan, Malaysia terlebih dahulu

**All Right Reserved**

No parts of this publication may be reproduced or transmitted in any forms or any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Politeknik Port Dickson, Negeri sembilan, Malaysia

**Published by:**

Politeknik Port Dickson

KM 14 Jalan Pantai , Si Rusa 71050 Port Dickson , Negeri Sembilan Malaysia

Emel : webmaster@polipd.edu.my Laman Web : http://www.polipd.edu.my

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-629-7643-81-6



# PRAKATA







Buku Lukisan Terukur Rumah Warisan Ibu Soko Biduanda, Ulu Gadong, Kota, Rembau, Negeri Sembilan ini merupakan hasil daripada kajian dan penyelidikan terhadap sebuah rumah adat bagi Suku Biduanda yang kini berusia hampir 88 tahun. Berdasarkan dapatan kajian, rumah ini dibina sekitar tahun 1936 dan berperanan penting sebagai tempat perhimpunan, bermesyuarat, melaksanakan adat istiadat, menjalankan pelbagai aktiviti serta menjadi rumah utama bagi suku Biduanda berkumpul.

Rumah Warisan Ibu Soko ini memiliki keunikan tersendiri, terutamanya pada seni ukiran yang menghiasi strukturnya. Setiap ukiran pada papan kembung, tiang seri, dan bingkai pintu memperlihatkan kehalusan serta keindahan hasil kerja tukang zaman dahulu, sekali gus melambangkan status dan kedudukan pemilik rumah.

Selain itu, bentuk bumbung rumah ini masih mengekalkan ciri-ciri asli seni bina tradisional Melayu di Semenanjung, iaitu bumbung panjang lipat kajang yang sedikit melentik di kedua-dua hujung perabungnya. Ciri ini bukan sahaja menyerlahkan nilai estetika, tetapi juga mencerminkan keutuhan identiti seni bina warisan Melayu yang terus dipelihara hingga kini.

# PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas limpahan rahmat, taufik dan hidayah-Nya yang telah mempermudahkan segala urusan sepanjang penyediaan buku Lukisan Terukur Rumah Warisan Ibu Soko Biduanda, Ulu Gadong, Kota, Rembau, Negeri Sembilan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada para pensyarah daripada Politeknik Port Dickson, iaitu Pn. Siti Fatimah Tuzzahrah Bt. Hj. Abd Latif dan Pn. Nur Hidayah Binti Rosman, atas segala bimbingan, dorongan, dan tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang proses kajian ini dijalankan. Segala ilmu, nasihat, dan sokongan yang dicurahkan amat bermakna dan menjadi pendorong utama dalam menyempurnakan hasil kerja ini.

Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada YBhg. Datuk Laksamana Abdul Aziz Bin Hashim sekeluarga atas kerjasama, kepercayaan, dan kesudian berkongsi ilmu serta maklumat berkaitan adat dan budaya masyarakat Rembau. Sumbangan beliau amat bernilai dalam memperkukuh pemahaman pengkaji terhadap keunikan seni bina serta warisan adat Rumah Ibu Soko Biduanda ini.

Tidak dilupakan, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini. Segala jasa, bantuan dan sokongan yang diberikan amat dihargai dan hanya Allah SWT jua yang mampu membalasnya.

Akhir kata, semoga usaha kecil ini dapat memberi sumbangan bermakna dalam usaha memelihara dan memartabatkan warisan seni bina tradisional Melayu, khususnya di Negeri Sembilan, agar terus kekal lestari untuk tatapan generasi akan datang.




Monier

# ISI KANDUNGAN

## 1.0 PENGENALAN

Pengenalan

Objektif

Metodologi

Impak

## 2.0 SEJARAH LATAR BELAKANG

Pengenalan dan sejarah Negeri Sembilan

Pengenalan dan sejarah Rembau

Pengenalan dan sejarah kampung Ulu Gadong

Adat Perpatih

Budaya masyarakat di Rembau

Suku - suku di Rembau

Suku Biduanda

Latar Belakang Rumah Kajian

## 3.0 ANALISA SENI BINA

Gaya dan pengaruh seni bina

Ruang dan fungsi

Element dan struktur

Element astetik

Ornamen

Motif Ukiran

Aspek Kelestarian

## 4.0 PENUTUP

Kesimpulan

Rujukan





# PENGENALAN

Kajian ini berfokus kepada dokumentasi seni bina Rumah Warisan Ibu Soko Biduanda yang terletak di Kampung Gadong, Rembau, Negeri Sembilan. Rumah ini merupakan salah satu rumah tradisional penting yang melambangkan identiti masyarakat beradat Perpatih di Negeri Sembilan. Berdasarkan sejarahnya, rumah ini telah ditubuhkan pada tahun 1936 atas nama Hajah Nyonya binti Abu Bakar, atau lebih dikenali sebagai Wan Long Nyonya. Setelah beliau meninggal dunia pada tahun 1984, telapak suku Biduanda ini diwarisi oleh anaknya, Puan Zabatul binti Hashim, dan kini diamanahkan kepada YBhg. Datuk Laksamana Abdul Aziz bin Hashim untuk dijaga.

Rumah Ibu Soko Biduanda bukan sekadar tempat tinggal, tetapi simbol kepada sistem sosial Adat Perpatih yang berasaskan pewarisan matrilineal di mana rumah pusaka menjadi hak milik waris perempuan dalam keluarga. Keunikan struktur rumah ini mencerminkan kebijaksanaan masyarakat terdahulu dalam menyesuaikan seni bina dengan budaya, kepercayaan, dan keadaan persekitaran tempatan. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi mendokumentasikan segala maklumat, elemen seni bina, dan nilai warisan yang terdapat pada rumah bersejarah ini agar dapat dijadikan rujukan dan panduan bagi generasi akan datang.



# OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan empat objektif utama, iaitu:

1. Mengenal pasti latar belakang sejarah serta asal-usul Rumah Warisan Ibu Soko Biduanda.
2. Mendokumentasikan reka bentuk, struktur, dan elemen seni bina tradisional rumah warisan tersebut.
3. Mengkaji pengaruh Adat Perpatih terhadap susun atur ruang dan fungsi rumah.
4. Menilai kepentingan dokumentasi rumah warisan sebagai usaha pemeliharaan dan sumber pendidikan seni bina tradisional.

# METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kerja lapangan. Antara kaedah yang digunakan termasuklah:

- Pemerhatian dan ukuran di tapak bagi merekodkan pelan lantai, tampak, dan keratan rumah.
- Temu bual bersama pemilik dan waris rumah, termasuk YBhg. Datuk Laksamana Abdul Aziz bin Hashim, bagi mendapatkan maklumat berkaitan sejarah dan adat pewarisan.
- Rujukan literatur daripada sumber seperti buku, jurnal, dan laporan terdahulu berkaitan seni bina tradisional Negeri Sembilan dan Adat Perpatih.
- Pendokumentasian fotografi dan lakaran, bagi merekodkan elemen seni bina serta keunikan pertukangan kayu yang terdapat pada rumah warisan ini.



# IMPAK

Kajian ini memberi impak besar dalam pelbagai aspek, antaranya:

- Pemeliharaan Warisan Seni Bina Tradisional – Hasil dokumentasi ini menjadi sumber rujukan penting bagi usaha konservasi rumah warisan di Negeri Sembilan.
- Pengukuhan Pengetahuan Akademik dan Penyelidikan – Kajian ini memperluas pemahaman tentang seni bina Melayu berasaskan Adat Perpatih serta memperkayakan sumber ilmiah dalam bidang warisan.
- Peningkatan Kesedaran Masyarakat  Kajian ini mendorong masyarakat menghargai nilai budaya, sejarah, dan peranan wanita dalam sistem pewarisan tradisional.
- Sumber untuk Pembangunan Pelancongan Warisan – Hasil dokumentasi ini boleh dijadikan bahan sokongan dalam aktiviti pelancongan pendidikan dan warisan budaya di Negeri Sembilan.

# Negeri Sembilan




https://www.petai.net/2020/04/masuk-muzium-negeri-sembilan-percuma.html

Negeri sembilan ialah sebuah negeri di malaysia yang terletak di pantai barat semenanjung malaysia . Nama negeri sembilan dipercayai diperoleh daripada sembilan kawasan petempatan yang didiami oleh perantau minangkabau yang dikenali sebagai luak. Masyarakat negeri sembilan merupakan perantau asal minangkabau, sumatera barat, indonesia yang telah tiba sejak abad ke -14.



https://gdtjns.com/sistem-masyarakat-adat-perpatih-di-negeri-sembilan/




Facebook : Orang Nogori

- Segamat
- Naning
- Rembau
- Sungai Ujong
- Johol
- Jelebu
- Ulu Pahang
- Jelai
- Kelang

# REMBAU




Facebook : Orang Nogori

Rembau diketahui sebagai sebuah tanah yang beradat yang berada di dalam Negeri Sembilan dimana daerah ini terletak di bahagian selatan dan bersempadan dengan Negeri Melaka.

Nama "Rembau" dipercayai berasal dari sebatang pokok iaitu pokok Merbau yang terletak di kawasan Batang Nyamor,Kota. Rembau diduduki oleh mereka yang dipanggil sebagai orang Jakun atau digelar Biduanda. Menurut petad'Eredia, Rembau telah wujud sejak adanya zaman kesultanan Melayu Melaka dan merupakan pusat bagi sosiobudaya serta politik bagi kawasan pendalaman Melaka.

Seterusnya, Orang Minangkabau mula berhijrah ke Rembau dari Pantai dan kemudian tiba di Sang Hyang Hujung atau sekarang lebih diketahui sebagai Tanjung Tuan. Pergerakan mereka diteruskan ke kawasan pendalaman bermula dari Sungai Linggi, Sungai Rembau dan Sungai Penajis untuk tiba di Rembau. Orang Minangkabau telah diberikan kuasa kependudukan daripada kesultanan Johor ketika itu.



https://www.tripadvisor.com/Tourism-g3506962-Rembau_Negeri_Sembilan-Vacations.html





Apabila masa berlalu, tibanya masa dimana jatuhnya kerajaan Melaka. Kejadian ini menyebabkan Rembau berada dibawah naungan Kesulatanan Johor. Namun begitu, Johor tidak melibatkan diri dalam pentadbiran Rembau.

Setelah kedatangan Orang Minangkabau, penduduk tempatan yang diketuai oleh Batin Sekudai mula berkelahi dengan Orang Minangkabau. Hal ini menyeybabkan mereka berbincang agar seorang pemimpin dilantik untuk menjadi ketua dan orangnya dari Suku Paya Bidara di Minangkabau. Maka situasi ini menyebabkan Sultan Munin Syah II bertitah dan baginda berkenan untuk menjadikan Datuk Lela Balang dan adiknya, Datuk laut Dalam. Namun dalam perjalanan ke Rembau adiknya Datuk Laut dalam telah dihanyutkan oleh laut ke Jawa. Setelah kata sepakat dicapai, Datuk Lela Balang telah dikahwinkan dengan anak Batin Sekudai.

Terkenang dengan hasrat asalnya dimana beliau sepatutnya ke Rembau pada asalnya, beliau telah berangkat ke Rembau bersama keluarganya. Setelah tiba di Rembau dia tidak berpuas hati kerana abangnya telah dilantik menjadi waris penghulu di Rembau. Beliau telah mendapatkan nasihat dari orang sekeliling dan membuat keputusan untuk mengadu kepada Sultan Johor. Setelah mendapat aduan Sultan Johor bertitah dan berkenan untuk menjadikan Datuk Laut Dalam sebagai seorang waris juga. Hal ini menyebabkan baginda mengahwinkan anak lelaki Datuk Lela Balang dan anak perempuan Datuk Laut Dalam. Dengan keputusan Sultan Johor, Datuk Laut Dalam telah menyusun semula pentadbiran Rembau. Datuk Laut dalam ini juga telah mengisytiharkan keputusan Sultan bahwa pengiliran warisan antara dua carak akan dilakukan iaitu Carak Waris Biduanda Jakun yang digelar sebagai Datuk Lela Maharaja, keturunanan isteri Datuk Lela Balang dan Carak Waris Jawa, keturunan isteri Datuk Laut Dalam yang digelar Datuk Sedia Raja.



# KAMPUNG ULU GADONG





Kampung Gadong terletak di Daerah Rembau di Negeri Sembilan. Kampung Gadong terletak berdekatan dengan kampung lain seperti Kampung Jawa, Kampung Perah, Kampung Kota Lama, Kampung Ulu Gadong, Kampung Batang Nyamor, Kampung Chengkau Ulu, dan Kampung Bongek. Walaupun kampung ini kurang dikenali, kemasukan Khairy Jamaluddin, yang berasal dari Kampung Gadong, ke dalam politik Malaysia mungkin membantu menaikkan namanya. Gunung Datok di kampung Batang Nyamor, yang dahulunya dikenali sebagai Ulu Pari, adalah kawasan rekreasi yang berdekatan dengan Kampung Gadong. Di sana, pelajar sekolah biasanya mengadakan kem motivasi atau aktiviti rekreasi Rakan Muda.





https://www.freemalaysiatoday.com/category/top-lifestyle/2021/06/12/gunung-datuk-a-jewel-of-negeri-sembilan/



https://musmun.blogspot.com/2022/03/surau-batu-kampung-gadong-negeri.html

# Adat Perpatih

Adat perpatih di Rembau atau Adat Rembau merupakan gabungan 3 sistem adat dimana ianya adalah Sistem Adat Minangkabau, Sistem Adat Tempatan Siak dan Sistem Adat Tempatan Rembau. Sistem Adat Minangkabau adalah hasil dari 3 sistem adat di Minangkabau Adat Nana Tigo, Adat Elok Baleh dan Adat Tuah Disakato. Selain itu, terdapat juga Sistem Tempatan siak yang lebih diketahui sebagai Adat Lenggam Baru. Kewujudan Adat Siak di dalam masyarakat yang berhijrah dari Minangkabau ke Rembau adalah kerana peneroka Minangkabau telah pergi ke Siak dahulu sebelum masuk ke Rembau. Mereka telah menetap sekian lama di Siak sehingga mereka telah memasukkan Sistem Adat Minangkabau dan Sistem Adat Siak ke dalam kehidupan seharian mereka. Akhir sekali, setelah semua ini berlaku baru mereka berpindah ke Rembau dengan gabungan adat yang telah diamalkan Apabila tiba di Rembau, mereka mendapati bahawa masayarakat Rembau yang terdiri dari Orang Asli atau Orang Asal telah mempunyai Adat yang diketahui sebagai Adat Benar. Pergaulan di antara peneroka Minangkabau dan Orang Asli Rembau telah melalui perkahwinan mahu pun aktiviti harian telah melahirkan adat baru iaitu Adat Perpatih ( Adat Rembau ).



https://serimenanti.blogspot.com/2016/04/warna-warni-adat-perpatih-di-rembau.html

Kemasukkan Inggeris ke Negeri Sembilan pada 1880-an telah membawa perubahan terhadap Sistem Adat Perpatih. Inggeris telah memperkenalkan undang-undang kolonial yang menyebabkan Adat yang diamalkan tersisih daripada pemerintahan negeri. Tujuan Inggeris ialah bagi mengaut untung yang terdapat di Negeri Sembilan. Penglibatan Inggeris telah menyebabkan Tampin telah terpisah daripada pemerintahan Undang Luak Rembau dan Naning telah diambil oleh Inggeris di mana tleh diletakkan di bawah pemerintahan Melaka.

Adat Perpatih tidak hanya diamalkan dalam urusan adat, Adat Perpatih telah mengajar masyarakat di Negeri Sembilan secara dan Rembau secara khusus bagaiman hidup bermasyarakat. Setiap individu mempunya kedudukan dan kepentingan mengikut keadaan semasa.





https://www.flickr.com/photos/eazy360/11081152406

https://www.thestar.com.my/lifestyle/living/2020/03/08/the-esteemed-role-of-women-in-adat-perpatih

# Budaya Masyarakat Rembau

Secara amnya Rembau diketahui sebagai daerah beradat malah Negeri Sembilan sendiri mempunyai adat, kebudayaan, sejarah, tradisi dan sistem politiknya yang agak unik. Negeri ini amat diketahui dengan peribahasa, "Biar mati anak, Jangan mati adat" dimana hal ini adalah pegangan mereka yang mempunyai asal usul Negeri Sembilan. Adat Perpatih telah wujud semenjak Tanah Melayu kurun ke-14.

Adat ini dapat dilihat keunikannya pada pembahagian harta, gelaran dan suku yang dimana suku anak mengikut ibunya. Menurut sejarah, mereka yang awal di negeri ini terdiri daripada kaum lelaki. namun begitu susurgalur keturunan akan sentiasa mengitu "perut". Terdapat 12 kumpulan yang membentuk "suku" di Negeri Sembilan.



Masyarakat Melayu Negeri Sembilan dikelaskan(suku) mengikut nenek moyang mereka. Suku ialah anggota masyarakat yang terbentuk dari kelompok keturunan daripada ibu. 12 suku yang terdapat dalam masyarat Negeri Sembilan ialah, Biduanda, Batu Hampar, Mungkal, Seri Lemak, Paya Kumboh, Tiga Nenek, Seri Melenggang, Batu Belang, Tanah Datar, Anak Acheh, Anak Melaka dan Tiga Batur.

Masyarakat Adat Perpatih dibahagikan kepada beberapa kelompok kekeluargaan iaitu suku yang dipecahkan kepada kelompok Perut, diikuti oleh kelompok ruang dan yang paling kecil adalah kelompok kekeluargaan rumpun. Setiap kelompok ini mempunyai pemimpinnya tersendiri, yang pertama ialah Kodim iaitu ketua kelompok kekeluargaan rumpun (sublineage) diikuti dengan Besar iaitu ketua kelompok kekeluargaan ruang (lineage). Seterusnya, Buapak - ketua kelompok kekeluargaan perut (subclan). Akhir sekali, Lembaga iaitu ketua kelompok kekeluargaan suku (clan).



Dipercayai terdapat empat suku yang mula-mula datang meneroka ke Rembau. Mereka ini terdiri dari pengikut yang mengiringi Tok Lela Balang dan Tok laut Dalam iaitu dua orang ketua Minangkabau yang mula-mula datang. Tok Lela Balang diiringi oleh orang dari suku Batu Hampar dan Mungkal sementara Tok Laut Dalam pula diiringi oleh orang-orang dari suku Paya Kumbuh dan Tiga Nenek. Selepas mendapat tahu kejayaan empat suku ini, maka suku-suku yang lain pula telah datang. Tiap-tiap suku itu pula mempunyai ketua masing-masing yang kemudiannya dikenali dengan gelaran Lembaga.



https://mursyidnurfadli.blogspot.com/2021/05/suku-di-negeri-sembilan-melihat-sejarah.html



Youtube ; SSTP JPN9

# Suku - suku di rembau

Pada peringkat awal, peneroka-peneroka ini telah membuka kawasan penempatan di kawasan Rembau Baruh. Apabila semakin ramai peneroka yang datang, mereka telah diarahkan agar membuka kawasan penempatan baru di kawasan Rembau Darat. Dengan itu terdapatlah pentadbiran adat yang dibahagikan kepada Baruh dan Darat. Oleh kerana adanya pecahan penempatan tadi maka terdapat lebih dari 12 suku kesemuanya di Rembau. Pentadbiran suku di Baruh dan di Darat juga adalah berlainan walaupun dari suku yang sama. Setiap satu pecahan suku mempunyai seorang Lembaga yang bertanggungjawab.




https://peluangtercipta.blogspot.com/2019/09/suku-biduanda-negeri-sembilan-asal-usul.html



https://bicaraciklee.blogspot.com/2015/04/suku-biduando.html



https://peluangtercipta.blogspot.com/2019/09/suku-biduanda-negeri-sembilan-asal-usul.html

# Suku Biduanda

Suku Biduanda merupakan salah satu suku adat yang tertua dalam Luak Rembau. Menurut sejarah, masyarakat asal di kawasan ini ialah daripada kaum Jakun, yang kemudian hidup bersama dengan pendatang dari Sumatera dalam tempoh yang panjang. Hasil pergaulan dan hubungan yang terjalin erat antara kedua-dua kelompok ini akhirnya membawa kepada pemelukan agama Islam oleh masyarakat Jakun tersebut.

Kaum perantau dari Sumatera kemudiannya menamakan masyarakat Jakun yang telah memeluk Islam itu sebagai Biduanda, yang bermaksud saudara baru dalam Islam. Pemberian nama ini juga berkait rapat dengan perlantikan Si Rama sebagai Penghulu Rembau yang pertama, yang menandakan permulaan sistem kepimpinan adat di Rembau.

Dari segi keturunan, Si Rama merupakan cucu kepada Batin Sekudai, iaitu ketua Orang Asli di Rembau pada ketika itu.



Photo.

MANTRA OR BIDUANDA ABORIGINES, KENABOI VALLEY, NEGRI SEMBIL

https://peluangtercipta.blogspot.com/2019/09/suku-biduanda-negeri-sembilan-asal-usul.html

Beliau ialah anak kepada Datuk Bungkal, yang berkahwin dengan Datuk Lela Balang, seorang wanita bergelar dari Sumatera yang tiba di Rembau sekitar tahun 1515–1516. Sementara itu, Datuk Bungkal pula merupakan anak angkat kepada Datuk Leteh, salah seorang pembesar Sumatera yang datang lebih awal ke Rembau pada sekitar tahun 1490-an.

Hasil perkahwinan tersebut, mereka telah dikurniakan empat orang anak — tiga perempuan dan seorang lelaki bernama Si Rama, yang merupakan anak bongsu dalam keluarga.

Melihat kepada pertambahan penduduk yang pesat di Rembau pada ketika itu, Datuk Leteh pada sekitar tahun 1530-an telah mencadangkan agar Rembau mempunyai seorang pemimpin serta sistem pemerintahan sendiri, walaupun ketika itu Rembau masih berada di bawah naungan Kerajaan Johor (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995: 75).

# PERANAN SUKU BIDUANDA DALAM STRUKTUR ADAT REMBAU

Dalam sistem Adat Perpatih di Negeri Sembilan, Suku Biduanda dianggap sebagai suku asal atau suku ibu bagi Luak Rembau. Suku ini memainkan peranan yang amat penting kerana mereka merupakan pemegang hak asal tanah (perut bumi) serta penjaga adat yang diwarisi turun-temurun.

Suku Biduanda juga mempunyai kedudukan istimewa dalam hierarki adat, kerana hanya daripada suku ini boleh dilantik Undang Rembau, iaitu pemerintah tertinggi di peringkat luak. Pemilihan Undang dilakukan mengikut garis keturunan ibu (matrilineal), di mana warisan dan harta pusaka, termasuk rumah dan tanah adat, diturunkan kepada kaum perempuan. Lelaki dalam adat ini berperanan sebagai pelindung, penasihat, dan penjaga amanah adat, namun bukan pemilik mutlak kepada harta warisan.

Selain itu, Suku Biduanda turut berperanan penting dalam pelaksanaan dan pemeliharaan adat, termasuk urusan perlantikan penghulu, penyelesaian adat, serta menjaga hubungan antara suku-suku lain di bawah sistem Adat Perpatih. Mereka juga bertindak sebagai “tali pengikat” dalam masyarakat, memastikan kesinambungan adat, keharmonian, dan keseimbangan sosial terus terpelihara.

Kedudukan istimewa ini menjadikan Rumah Ibu Soko Biduanda bukan sekadar tempat tinggal, tetapi juga simbol warisan dan identiti masyarakat Biduanda di Rembau — sebuah lambang kepada kekuatan sistem kekeluargaan matrilineal dan nilai adat yang masih dipertahankan hingga ke hari ini.

# Telapak Ibu Soko Biduanda



Rumah Ibu Soko Biduanda Lela Maharaja pada asalnya terletak berhampiran dengan laluan landasan kereta api. Berdasarkan maklumat yang diterima, rumah ini telah dipindahkan selepas pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) merancang untuk membina sebuah stesen kereta api di tapak asal tersebut. Oleh itu, rumah ini telah dibongkar dan dipasang semula di lokasi baharu seperti yang dapat dilihat pada masa kini. Namun demikian, pihak KTMB kemudiannya memaklumkan bahawa perancangan pembinaan stesen tersebut tidak diteruskan disebabkan jumlah pengguna yang tidak mencukupi.

Ini adalah keadaan terkini telapak Rumah Ibu Soko Biduanda yang lama.







Berikut merupaka jalan kereta api yang betul betul terletak dihadapan telapak asal Rumah Ibu Soko Biduanda.







Ibu soko adalah wanita yang dilantik dalam perut atau suku, iaitu individu yang benar-benar faham dan mahir berkenaan perihal adat dan mengetahui akan asal usul serta susur galur salasilah kelompok keluarganya. Kuasa ibu soko dalam penentuan penyandang pesaka dalam pentadbiran Adat Perpatih jelas menunjukkan bahawa kaum wanita adalah kaum yang sangat dihormati dan disanjungi di dalam sistem pentadbiran adat di Negeri Sembilan

# Rumah Ibu Soko Biduanda Lela Maharaja

Ibu soko adalah wanita atau perempuan yang berilmu dan menjadi pakar rujuk dalam pelbagai perkara khususnya berhubung peradaban serta kehidupan perjalanan adat khususnya tentang salasilah kelompok kekeluargaannya. Ibu Soko bertanggungjawab dalam melaksanakan ketentuan agama dan adat, meneruskan jurai keturunan kelompok keluarganya, memastikan keturunannya menjadi ahli masyarakat berguna dan memiliki sikap madani.





Rumah Ibu Soko Biduanda telah didirikan pada tahun 1936 atas nama Hajah Nyonya binti Abu Bakar, atau lebih dikenali sebagai Wan Long Nyonya. Setelah pemergian beliau pada tahun 1984, telapak Suku Biduanda ini telah dipindahkan kepada salah seorang anak beliau, Puan Zabatul binti Hashim.

Mengikut adat perwarisan matrilineal Minangkabau, rumah warisan ini akan diwarisi oleh anak perempuan Puan Zabatul pada masa hadapan. Kini, rumah Ibu Soko Biduanda ini telah diamanahkan kepada YBhg. Datuk Laksamana Abdul Aziz bin Hashim untuk dijaga dan dipelihara agar terus kekal sebagai simbol warisan adat dan seni bina tradisional masyarakat Biduanda di Rembau.

YBhg. Datuk Laksamana Abdul Aziz bin Hashim merupakan Besar Waris Undang Luak Rembau dari Kampung Gadong. Beliau telah dipanggil untuk menetap di Rumah Ibu Soko Biduanda kerana merupakan waris daripada Suku Biduanda Lela Maharaja.

Walau bagaimanapun, rumah ini tidak boleh dimiliki oleh beliau kerana menurut Adat Perpatih, hak pemilikan rumah adat adalah hak mutlak waris perempuan. Oleh itu, Datuk Laksamana hanya bertanggungjawab menjaga dan memelihara rumah tersebut sebagai amanah warisan keluarga, agar keasliannya terus terpelihara dan nilai adatnya kekal terwaris kepada generasi seterusnya.





# Gaya dan Pengaruh



Seni Bina bagi sesuatu tempat dipengaruhi pelbagai aspek terutamanya, sejarah budaya, dan kehidupan adat serta alam sekitar bagi sesuatu kawasan. Negeri Sembilan mempunyai unsur pengaruh kuat dari minangkabau. Hal ini dapat dilihat jelas terutamanya dari segi bumbung serta ruangan . Ruangan di dalam rumah juga dibina mengikut aktiviti dan adat istiadat yang sering diadakan dirumah ini.

Gaya seni bina, cara pembinaan, ukiran di luar dan di dalam rumah serta fungsi bagi setiap ruangan mencerminkan Rumah Ibu Soko Biduanda iaitu seorang yang berstatus tinggi dalam sistem Adat Perpatih. Rumah ini mempamerkan banyak ukiran-ukiran bermula daripada tiang, dinding dan juga bumbung. Banyak elemen hiasan terdapat pada Rumah Warisan ini. Rumah ini dibina dengan menggunakan pasak dan tanggam di mana kaedah ini mengukuhkan lagi rumah dengan teknik binaan tanpa paku. Antara ciri-ciri istimewa lain yang terdapat pada bangunan ini seperti penggunaan tetupai berukir dan tiang gantung yang unik terlibat dalam pengukuhan struktur rumah.



Secara umumnya gaya seni bina Rumah Ibu Soko Biduanda ini disebabkan tuan rumah ini berketurunan suku biduanda. Antara gaya dan pengaruh Johor dan Negeri Sembilan yang diterapkan pada Rumah Ibu Soko Biduanda ini campuran reka bentuk bumbung yang digunakan ialah bumbung limas johor dan bumbung pengaruh minangkabau. Selain itu, Rumah Ibu Soko Biduanda ini tangga batu pengaruh gaya seni bina Melaka kebiasaanya dihias dengan kemasan mozek. Motif mozek yang digunakan biasanya adalah motif bunga dan dedaun yang dilekat menggunakan mortar. Oleh itu, Rumah Ibu Soko Biduanda ini boleh dikira lain daripada yang lain dan unik kerana jarang dijumpai jenis reka bentuk ini melainkan rumah yang berketurunan suku Biduanda. Ciri-ciri ini menunjukkan bahawa Rumah Ibu Soko Biduanda ini berbeza dari rumah biasa dan menunjukkan pemilik rumah ini adalah dari golongan berada.



# Ruang dan Fungsi




PELAN LANTAI
SKALA 1 : 75

Susunan ruang memainkan peranan penting untuk diselaraskan dengan fungsi ruang dan fungsi rumah. Susunan ruang juga penting unuk menunjukkan identiti sesebuah rumah.

## SERAMBI








Ruang Serambi Rumah Ibu Soko Biduanda berkeluasan 3.6 meter X 4.8 meter boleh memuatkan 25 orang dewasa di ruang ini mempunyai ruang pangkal serambi digunakan sebagai tempat duduk ketua adat. Ruang adat ini digunakan untuk upacara bertunang dan menyerah adat istiadat. Serambi pangkal, ruang ini digunakan untuk majlis keagamaan, ruang ini dipanggil ruang agama. Selain itu, ruang serambi pangkal ini untuk tetamu, dimana pada majlis akad nikah, dan menantu akan duduk diruang ini.

# ANJUNG








Ruang Anjung Rumah Ibu Soko Biduanda berkeluasan 2.4 meter X 11.2 meter boleh memuatkan 50 orang dewasa di ruang ini. Kebiasaannya digunakan oleh kaum lelaki, Anjung adalah tempat untuk berehat dan berbincang bagi kaum lelaki. Penggunaan anjung dan halaman ruang tamu yang terang-terangan dikhususkan buat para tetamu. Selain dari memperuntukkan halaman yang luas di bahagian hadapan rumah, hiasan yang menarik sebagai daya tarikan tetamu, halaman rumah masyarakat Melayu juga lazimnya mempunyai ruang di salah satu bahagian sisi rumah sebagai tempat berkumpul atau beraktiviti. Ruangan ini berfungsi sebagai kawasan sekiranya hendak melaksanakan sesuatu majlis seperti kenduri, berpersatuan dan sebagainya.

# RUMAH IBU










Ruang Rumah Ibu ini berkeluasan 4.6 meter X 4.5 meter boleh memutkan 28 orang dewasa mempunyai ruang luas dan tinggi yang terdapat sebuah bilik dan tangga yang curam menghala ke loteng . Ruangan ini mempunyai bumbung dan lantai yang tinggi berfungsi untuk turut menempatkan sebuah ruang terbuka yang luas. Kebiasaan tidak terdapat bilik di sini, tetapi keluasan ruang ini boleh menempatkan bersebelah ruang bilik tidur. Rumah ibu dihubungkan oleh selang yang lebih terbuka.

# POGHAN ( **Loteng** )










Ruang Loteng Rumah Ibu Soko Biduanda berkeluasan 5.3 meter X 6.8 meter boleh memuatkan 35 orang dewasa Ruangan ini berfungsi dijadikan tempat tidur untuk anak-anak dara dan juga tempat simpanan barangan yang jarang digunakan.

# SELANG








Ruang Selang Rumah Ibu Soko Biduanda berkeluasan 4.4 meter X 6.8 meter boleh memuatkan 30 orang dewasa. Fungsi ruang ini sebagai jambatan penghubung diantara rumah ibu dan rumah tengah , berperanan sebagai pintu masuk bagi kaum wanita ketika persiapan kenduri-kendara sedang giat dilakukan.

# RUMAH TENGAH








Ruang Rumah Tengah ini berkeluasan 5.4 meter X 6.8 meter boleh memuatkan 45 orang dewasa Fungsi ruang ini merupakan tempat utama untuk menerima tetamu dan berinteraksi dengan mereka. Ia juga berfungsi sebagai ruang keluarga di mana ahli keluarga berkumpul. Di ruang ini akan menjumpai perabot seperti kerusi, meja, dan hiasan dinding.




Plan lantai Rumah Ibu Soko Biduanda

# Elemen dan Struktur



### BUMBUNG

Bumbung bagi rumah ibu soko ini mendapat sedikit aspek dari minangkabau indonesia kerana daripada segi sejarah dan warisanya. Penutup bumbungnya daripada bahan tanah liat dan adek.

### STRUKTUR BUMBUNG

Struktur bumbung bagi rumah uni terdiri daripada kayu sepenuhnya. Mempunyai penyambung seperti kasau betina, rasuk bumbung, kasau jantan, kolar rabung, dan dikukuhkan dan diikat menggunakan penetap.

### LANTAI

Kemasan kayu ini daripada papan langai jenis kayu cengal. Kayu cengal merupakan kayu daripada Malaysia sendiri dan kayu ini sesuai untuk berada dalam iklim Malaysia.

### DINDING

Dinding rumah ini terdiri daripada papan kayu dan dihiasi dengan pelbagai element traditional seperti, kayu botol, papan kembung yang diukir dengan flora dan sebagainya.

### STRUKTUR LANTAI

Struktur lantai ini terdiri darpada rasuk panjang dsn gelegar lantai yang menggunakan kayu jenis cengal.

### TANGGA

Tangga bagi rumah ini merupakan tangga batu dimana ianya merupakan sendi konkrit. Terdapat dua tangga bagi rumah ini satu bagi memasuki ruang selang, dan yang kedua memasuki ruang serambi dan anjung

struktur rumah Ibu Soko Biduanda



# TIANG

Tiang adalah komponen struktur yang paling penting bagi menegakkan sesebuah bangunan. Tiang diibaratkan sebagai kaki yang tidak bergerak dan berfungsi untuk menanggung beban, sama ada beban mati seperti bumbung, lantai, dinding, hujan dan angin, perabot dan beban hidup iaitu penghuni. tiang juga berfungsi menstabilkan sesebuah bangunan. Kelebihan bangunan bertiang ialah dapat mengelakkan kelembapan pada sesebuah bangunan dan membolehkan udara beredar daripada bawah ke atas bangunan. Selain itu, tiang juga dapat mengelakkan rumah dimasuki air waktu hujan lebat, air pasang dan sewaktu banjir. Rumah Ibu Soko Biduanda menggunakan tiang dilapik atau dialas dengan konkrit. Oleh disebabkan itu, Rumah Ibu Soko Biduanda dapat berdiri kukuh sehingga sekarang yang hampir mencecah 100 tahun rumah ini dibina. Lantai rumah ibu dan serambi bagi rumah tradisional Negeri Sembilan lazimnya mempunyai 12,16 atau 20 tiang.

Rumah Ibu Soko Biduanda mempunyai lantai yang tinggi iaitu lebih kurang 4-5 kaki dari aras tanah. Rumah Ibu Soko Biduanda mempunyai 20 tiang keseluruhan. Bilangan tiang bagi rumah Melayu adalah perkiraan bilangan tiang di ruang Serambi dan Rumah Ibu. Alas tiang yang dibuat daripada batu konkrit adalah bahan untuk melindungi tiang kayu dari kelembapan tanah yang mungkin akan merosakkan tiang




BUTIRAN TIANG KAYU



# PINTU



Setiap Rumah Melayu pasti mempunyai sekurang-kurangnya dua buah pintu. Satu di hadapan yang dianggap untuk kaum lelaki dan satu lagi di belakang untuk kaum perempuan. Rumah Ibu Soko Biduanda mempunyai lima buah pintu masuk iaitu di anjung, dapur, rumah ibu, selang dan rumah tengah. Pintu rumah tradisional Negeri Sembilan lazimnya dibina agak kecil dan rendah. Tujuan bagi rekabentuk pintu seperti ini adalah untuk menggalakkan tetamu yang berkunjung ke rumah untuk tunduk sebagai tanda hormat kepada tuan rumah. Bahagian dalam rumah pula tidak mempunyai banyak pintu atau bilik sesuai dengan adat dan tradisi penduduk Negeri Sembilan. Biasanya rumah tradisional Negeri Sembilan hanya mempunyai satu bilik sahaja untuk pasangan berkahwin ataupun anak perempuan. Rumah Ibu Soko Biduanda menggunakan lima jenis pintu iaitu 5 pintu panel dua daun dengan rangka kayu keras, 1 pintu panel satu daun dengan rangka kayu keras. Rumah Ibu Soko Biduanda tidak mengikuti kelaziman rekabentuk rumah Negeri Sembilan yang lain. Rumah ini mempunyai satu bilik tidur untuk pasangan berkahwin dan satu bilik yang digunakan untuk sembahyang dan menyimpan barang. Pintunya juga dibina tidak begitu rendah dan mempunyai rekabentuk seperti rumah tradisional melayu yang lain.




untuk menunjukkan kedudukan setiap jenis pintu



D1




1

1940 MM X 1100 MM 2 BUKAAN PINTU KAYU YANG BERCORAK BUNGA DIPERBUAT DARIPADA KAYU CENGAL BESERTA UKIRAN MENGIKUT PERINCIAN

ANJUNG



D4




1

1710 MM X 780 MM 2 BUKAAN PINTU PANEL DENGAN BINGKAI KAYU ( KAYU CENGAL ) BESERTA UKIRAN MENGIKUT PERINCIAN

TANDAS



D2




1

1830 MM X 1130 MM 2 BUKAAN PINTU PANEL DENGAN BINGKAI KAYU ( KAYU CENGAL ) BESERTA UKIRAN MENGIKUT PERINCIAN

ANJUNG



D5




3

1830 MM X 880 MM PINTU PANEL KAYU ( KAYU CENGAL ) BESERTA UKIRAN MENGIKUT PERINCIAN

RUANG BILIK 1, RUANG BILIK 2 , RUANG BILIK 3



D3




1

1650 MM X 1110 MM 2 BUKAAN PINTU PANEL DENGAN BINGKAI KAYU ( KAYU CENGAL ) BESERTA UKIRAN MENGIKUT PERINCIAN

RUMAH IBU



D6




1

1940 MM X 950 MM 2 BUKAAN PINTU PANEL DENGAN BINGKAI KAYU ( KAYU CENGAL ) BESERTA UKIRAN MENGIKUT PERINCIAN

RUMAH TENGAH

# TINGKAP



Tingkap bagi rumah tradisional Negeri Sembilan dibina agak rendah khususnya di bahagian serambi dan tidak dibina pada paras orang berdiri. Tingkap pada bahagian rumah ibu, anjung dan serambi pula menggunakan tingkap jenis penuh. Tingkap ini memanjang dari aras lantai ke aras bumbung dan mempunyai penghadang yang mempunyai ukiran. Rumah Ibu Soko Biduanda menggunakan sistem tingkap yang sama di bahagian rumah ibu, anjung, rumah tengah dan serambi iaitu menggunakan tingkap jenis penuh. Namun begitu tingkap dibahagian selang dan dapur dibina pada paras yang sama dengan aras tingkap biasa di atas tingkap di pasang. Terdapat juga sisir angin bagi tujuan astetik dan membantu kelancaran pengudaraan pada waktu malam. Tingkap - tingkap ini dipasang dengan selak dan gerigi bagi tujuan keselamatan penghuni.




untuk menunjukkan kedudukan tingkap



W1



LUAR DALAM

3

1710 MM X 880 MM TINGKAP DENGAN BINGKAI KAYU ( KAYU CENGAL) 2 PINTU DAUN DIUKIR SECARA TERPERINCI BERSERTA PENGUDARA

RUANG BILIK 1 & RUMAH TENGAH

W3



LUAR DALAM

7

1100 MM X 874 MM TINGKAP DENGAN BINGKAI KAYU ( KAYU CENGAL ) 2 DAUN PINTU DIUKIR MENGIKUT PERINCIAN

RUANG BILIK 1 , RUANG BILIK 2 , RUANG BILIK 3 , RUMAH IBU





W2



LUAR DALAM

15

1530 MM X 880 MM TINGKAP DENGAN BINGKAI KAYU ( KAYU CENGAL) 2 PINTU DAUN DIUKIR SECARA TERPERINCI BERSERTA PENGUDARA

SERAMBI & ANJUNG

W4



LUAR DALAM

2

750 MM X 680 MM TINGKAP PANEL KAYU ( KAYU CENGAL ) 2 DAUN PINTU BESERTA UKIRAN MENGIKUT PERINCIAN

POGHAN (LOTENG)







## TANGGAM

Tanggam adalah salah satu kaedah untuk membuat penyambungan dan pemasangan bahagian-bahagian yang diperbuat daripada kayu sebelum sesuatu bangunan ataupun sesuatau projek tersebut siap dibina.





### Tanggam Lubang dan Puting Biasa



Tanggam yang digunakan pada sambungan struktur utama Rumah Ibu Soko Biduanda ialah tanggam lubang dan puting biasa. Tanggam ini merupakan tanggam terkuat dalam kategori tanggam pemidang. Terdapat pelbagai bentuk dan setiap bentuk mempunyai fungsi tertentu. Sambungan lubang dan sambungan tombol digunakan untuk sambungan tiang, lantai dan rusuk bumbung. Hujung rusuk dijadikan puting dan tiang dibuat lubang untuk memasukkan puting rusuk kedalamnya . Sambungan ini biasanya akan dikunci dengan selak kayu untuk mengelakkan sambungan daripada tercabut.

# BUMBUNG



Dari pemerhatian, ciri reka bentuk bumbung Rumah Ibu Soko Biduanda ini gabungan dari salah satu variasi rumah tradisional Negeri Sembilan iaitu Minangkabau dan Johor iaitu Rumah Limas. Evolusi rumah tradisional ini boleh dikenal pasti melalui reka bentuk bumbung yang unik. Bumbung menggunakan 5 tepi, termasuk tepi mendatar lurus yang disambungkan kepada 4 tepi memanjang ke bawah ke cucur atap. Struktur dengan bumbung berbentuk piramid ini di rumah tengah dipanggil Limas. Rumah ini pada asasnya mempunyai lima bilik iaitu anjung, serambi, selang, rumah ibu dan rumah tengah. Bentuk dan struktur bumbung di loteng (poghan), anjung, serambi dan selang berbentuk Minangkabau Negeri Sembilan ia seperti memanjang dan bumbung sedikit melengkung di bahagian hujung. Manakala muka tabir layarnya kelihatan tirus dan tinggi.



struktur bumbung 3d



# DINDING



